

Eufemisme Haiwan dalam Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun: Analisis Teori Relativiti Linguistik

Euphemisms of Animals in the Jakun Indigenous Community: An Analysis Based on the Theory of Linguistic Relativity

Mohamad Suhaizi Suhami*, Muhammad Jibril Zakaria & Ahmad Baihaki Atiqullah Ahmad Bakhrir
Kulliyah Pelancongan Mampam & Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
84600 UIAM Pagoh, Johor, Malaysia

Submitted: 9/7/2025. Revised edition: 20/9/2025. Accepted: 23/9/2025. Published online: 30/11/2025

ABSTRAK

Penggunaan eufemisme dalam menyampaikan kepercayaan merupakan warisan budaya masyarakat tradisional yang masih diamalkan hingga kini. Walaupun banyak kajian telah dijalankan terhadap bahasa halus dalam kalangan masyarakat Orang Asli, Iban dan Melayu Sarawak, namun kajian mengenai eufemisme yang berkaitan dengan haiwan bagi masyarakat Orang Asli Jakun di Johor masih kurang diberikan perhatian. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Tambak Dapor, Johor dan menganalisis sistem kepercayaan mereka berdasarkan Teori Relativiti Linguistik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi temu bual secara spontan bersama Tok Batin dan warga tempatan sebagai informan utama. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Jakun menggunakan 10 istilah bahasa halus seperti kucing besar, mata kuning, dan pendantil bagi menggantikan nama sebenar haiwan yang dianggap sulit untuk disebut secara umum dalam sesetengah situasi. Analisis turut mendapati bahawa struktur bahasa halus yang digunakan mencerminkan cara masyarakat ini memahami realiti dan dunia ghaib berdasarkan pengalaman budaya yang diwarisi. Kajian ini mencadangkan agar dokumentasi eufemisme dalam kalangan masyarakat Orang Asli diperluas dan dimanfaatkan dalam pemeliharaan warisan linguistik negara.

Kata Kunci: Eufemisme, Bahasa Halus, Tabu, Orang Asli Jakun, Teori Relativiti Linguistik

ABSTRACT

The use of euphemisms in conveying beliefs is a cultural heritage of traditional communities that continues to be practiced today. Although many studies have been conducted on refined language among the Orang Asli, Iban, and Malay communities in Sarawak, research on animal-related euphemisms among the Jakun Orang Asli community in Johor has received relatively little attention. The main objective of this study is to identify the forms of euphemism used by the Orang Asli community in Kampung Tambak Dapor, Johor, and to analyze their belief system based on the Theory of Linguistic Relativity. This study employs a qualitative approach through spontaneous interviews with the village chief (*Tok Batin*) and local communities as primary informants. The findings reveal that the Jakun community uses 10 refined terms such as *Kucing Besar*, *Mata Kuning*, and *Pendantil* to replace the actual names of animals considered taboo or difficult to mention openly in certain situations. The analysis also found that the structure of the refined language used reflects how this community perceives reality and the spiritual world based on inherited cultural experiences. This study recommends that the documentation of euphemisms among indigenous communities be expanded and utilized in the preservation of the nation's linguistic heritage.

Keywords: Euphemism, Refined language, Taboo, Orang Asli Jakun, Theory of Linguistic Relativity

*Correspondence to: Mohamad Suhaizi Suhaimi (email: msuhaizi@iium.edu.my)

1.0 PENGENALAN

Penggunaan sesuatu bahasa dalam sesuatu komuniti sering dikaitkan dengan kepercayaan berikutan telah menjadi wadah utama dalam menyampaikan pemikiran dan pengalaman kolektif. Menurut Clinton Ringit, Hamidah Abdul Wahab, dan Remmy Gedat (2019), penggunaan bahasa halus dalam sesuatu masyarakat berkait rapat dengan pengalaman dan persekitaran penutur yang turut mempengaruhi kepercayaan mereka. Selain itu, pengucapan kata-kata yang tidak baik atau kurang manis seperti lucu, tidak sopan serta sebarang kata yang menyinggung perasaan pendengar juga dianggap sebagai tabu dalam penggunaan bahasa. Menurut Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff dan Nur Sharina Sahar (2021), perkataan tabu ini dikatakan berasal daripada bahasa Polinesia, iaitu *tapu* yang bermaksud sesuatu yang dilarang untuk digunakan dan sesuatu yang kudus iaitu tidak bercela, suci, bersih dan murni. Oleh itu, penggunaan perkataan yang dianggap tabu mestilah berlapis atau dikiaskan supaya dapat menutup ketidaksopanan perkataan yang diucapkan tersebut. Tabu dalam pengucapan boleh dikiaskan melalui penggunaan eufemisme untuk mengelak pengucapan perkataan yang dianggap tabu.

Penggunaan eufemisme untuk mengelakkan tabu bahasa adalah sangat penting berikutan terdapat sesetengah pendengar yang sensitif terhadap perkataan tersebut. Tabu yang dianggap sebagai pantang larang tidak boleh dilanggar kerana dipercayai boleh mendatangkan kesan buruk, musibah dan juga nasib malang (Mangie Anak Liddy dan Kartini Abd. Wahab, 2021). Masyarakat Orang Asli kaum Jakun juga tidak terkecuali daripada menggunakan tabu dan juga eufemisme ketika berkomunikasi. Apabila terdapat perkataan yang dianggap sebagai tabu bahasa, maka wujudlah perkataan atau istilah eufemisme dalam masyarakat tersebut. Penggunaan eufemisme mampu untuk mewujudkan masyarakat yang hidup dalam sejahtera, harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, penggunaan eufemisme untuk menggantikan tabu dalam bahasa Orang Asli kaum Jakun juga dilihat sebagai satu usaha untuk melestarikan bahasa tersebut supaya mampu dipraktikkan dengan lebih baik oleh generasi pada masa akan datang. Mereka terkenal sebagai etnik yang mempunyai identiti tersendiri berdasarkan cara hidup dan bahasa yang berbeza (Nurul Jannah Hussin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi, 2023).

Di Muar, suku kaum Jakun merupakan suku majoriti yang mendiami daerah ini. Terdapat sebuah penempatan di Kampung Tambak Dapor, Pagoh yang didiami oleh suku kaum Jakun turut mengamalkan eufemisme. Sejarah Kampung Tambak Dapor bermula pada zaman darurat ketika berlaku konflik bersenjata antara orang Melayu dengan penganas komunis di negeri Johor. Dalam tempoh tersebut, masyarakat Melayu yang terjejas akan pergolakan tersebut telah melarikan diri ke kawasan perkampungan Orang Asli sebagai langkah perlindungan. Pada asalnya, kampung tersebut dikenali sebagai Kampung Sungai Layang. Selepas melalui beberapa perubahan, nama kampung tersebut kemudiannya ditukar menjadi Kampung Tambak Habuk. Orang Asli memasak menggunakan dapur tradisional yang diperbuat daripada tanah liat yang ditambah membentuk seakan dapur dan nama 'Tambak Habuk' tercipta daripada peristiwa tersebut.

Masyarakat Melayu yang menyaksikan kaedah Orang Asli memasak tersebut menggelarkan 'Tambak Habuk' sebagai 'Tambak Dapor' berikutan istilah 'Dapor' hanya digunakan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Pada tahun 1918, pihak kerajaan memutuskan untuk menetapkan nama kampung tersebut secara rasmi sebagai Kampung Tambak Dapor yang kekal hingga ke hari ini. Perubahan nama ini mencerminkan satu peristiwa penting dalam sejarah perhubungan antara masyarakat Melayu dengan Orang Asli di Johor yang mengalami proses asimilasi dan pembentukan identiti tersendiri.

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan eufemisme dalam kalangan Orang Asli kaum Jakun di Kampung Tambak Dapor, Pagoh, Muar serta menganalisis bahasa tersebut menggunakan Teori Relativiti Linguistik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa sarjana yang menjalankan kajian terhadap eufemisme dalam pelbagai aspek. Sebagai contoh, kajian oleh Mohamad Nik Mat Pelet *et al.* (2025) yang mengkaji unsur haiwan dalam peribahasa Orang Asli suku Temiar manakala Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil, dan Remmy Gedat (2020) mengkaji aspek bahasa halus dalam masyarakat Melayu Sarawak dan Iban di daerah Kuching dan Samarahan. Selain itu, Clinton Ringit, Hamidah Abdul Wahab, dan Remmy Gedat (2019) pula meneliti kosa kata bahasa halus dalam masyarakat Iban Sebuyau di Sarawak. Walau bagaimanapun, kajian terhadap eufemisme haiwan Orang Asli Jakun masih kurang mendapat perhatian yang dilihat mampu menimbulkan kesalahfahaman dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun itu sendiri.

Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting dalam sesebuah masyarakat berikutan bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat, malah menjadi saluran kepada pemindahan nilai budaya, adat, dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun. Dalam masyarakat Orang Asli, eufemisme digunakan untuk menyampaikan pantang larang, kepercayaan spiritual, dan nasihat hidup secara berlapik dan simbolik. Walau bagaimanapun, sekiranya pantang larang tentang bahasa halus ini tidak didedahkan kepada masyarakat secara menyeluruh, maka unsur seperti ketidaksopanan sewaktu berinteraksi dengan masyarakat Orang Asli Jakun boleh tercetus. Menurut Mohamad Rozi Kasim (2021), masyarakat Orang Asli Jakun sangat menekankan penggunaan bahasa halus serta mematuhi pantang larang komunikasi dalam interaksi seharian, terutamanya ketika berhadapan dengan golongan yang lebih tua dan dalam situasi tertentu seperti berada di hutan. Oleh itu, ketiadaan pemahaman mengenai pantang larang bahasa halus berpotensi mencetuskan konflik antara masyarakat Orang Asli Jakun dengan masyarakat luar, serta dapat menjatuhkan air muka penutur berikutan tidak mengambil berat terhadap pantang larang tersebut.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang menekankan kepada pemerhatian dan penerokaan mendalam terhadap fenomena penggunaan eufemisme dan hubungannya dengan sistem kepercayaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Tambak Dapor, Muar, Johor. Pendekatan ini sesuai berikutan memberi peluang kepada pengkaji untuk memahami realiti sosial dan budaya komuniti dari perspektif mereka sendiri khususnya dalam aspek komunikasi simbolik dan adat resam yang diwarisi turun-temurun.

Pemilihan responden dalam kajian ini dilakukan bagi memastikan hanya individu yang benar-benar relevan dan mempunyai pengetahuan mendalam tentang budaya serta kepercayaan masyarakat Orang Asli. Dalam kajian ini, informan terdiri daripada Tok Batin yang bernama Budin bin Maring (53 Tahun pada tahun 2025) dan Nasir bin Maring (69 Tahun pada tahun 2025). Kedua-dua informan dianggap

sebagai penyimpan warisan budaya dan bahasa tradisional kerana mereka telah melalui proses sosialisasi budaya sejak kecil serta masih mengamalkan cara hidup yang berasaskan kepercayaan turun-temurun. Tok Batin sebagai ketua komuniti mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam terutama sekali berkenaan hal-hal berkaitan adat dan kepercayaan serta berperanan sebagai penyampai tradisi lisan yang kaya dengan unsur bahasa halus. Informan dipilih berdasarkan keupayaan mereka untuk memberikan maklumat yang mendalam dan autentik berkenaan bentuk bahasa halus yang digunakan dalam komuniti mereka serta pemahaman tentang sistem kepercayaan yang diamalkan.



Rajah 1 Carta Alir Reka Bentuk Kajian

Kaedah penganalisan data dalam kajian ini berpandukan Teori Relativiti Linguistik Sapir dan Whorf (1921) yang menyatakan bahawa bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi turut membentuk cara manusia berfikir dan memahami realiti sekeliling. Melalui teori ini, pengkaji menganalisis data dengan memberi perhatian kepada bentuk-bentuk eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli serta hubungannya dengan sistem kepercayaan mereka. Proses analisis dimulakan dengan transkripsi temu bual secara terperinci, diikuti pembacaan berulang untuk mengenal pasti bentuk ungkapan yang menggambarkan simbolisme budaya dan fahaman spiritual. Penganalisan dilakukan secara deskriptif dan interpretatif iaitu pengkaji menghuraikan kaitan antara struktur eufemisme dengan pandangan hidup masyarakat tersebut. Analisis turut meneliti aspek seperti makna tersirat dalam ungkapan, konteks penggunaannya, serta unsur bukan lisan seperti intonasi dan ekspresi wajah semasa temu bual dijalankan. Pengkaji juga mempertimbangkan latar sosial dan budaya komuniti sebagai asas kepada pentafsiran makna. Melalui pendekatan ini, pengkaji memahami strategi eufemisme dalam mencerminkan dunia pengalaman komuniti Orang Asli serta cara mereka mengatur dan mewarisi kepercayaan secara turun-temurun.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji meneruskan kajian dengan mengenal pasti bahasa halus bagi haiwan yang sering digunakan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Berikut merupakan jadual pengelasan haiwan yang dianggap tabu untuk disebut secara umum dan terbuka.

Jadual 1 Senarai haiwan dan eufemisme

Bil	Haiwan	Eufemisme	Fonetik	Catatan Kepercayaan
1	Harimau	Kucing besar, mamak bongkok, lipat kasau	[ku.çi ŋ] [ma.maʔ] [boŋ.koʔ] [li.pat] [ka.šau]	Elak menyebut nama sebenar untuk hindari gangguan harimau.
2	Harimau kumbang	Mata kuning	[mata] [kun.iŋ]	Menunjukkan kehadiran makhluk pada waktu malam.
3	Gajah	Pendantil, Ninik	[Pən.dantil] [ni.niʔ]	Makhluk besar yang keramat atau ditakuti.
4	Buaya	Pemanggang, pengacep	[Pə.maŋ.aŋ] [Pe.ŋacəp]	Perlambangan pemangsa yang perlu dielakkan.
5	Naga	Ular Besar	[ular] [bə.šar]	Berkaitan makhluk mitos yang mendiami sungai atau kawasan keramat.
6	Beruang	Belohok	[bə.li.hik]	Elak sebutan nama sebagai tanda hormat.
7	Kumbang	Besan	[be.šan]	Dikaitkan dengan simbol perdamaian atau pantang larang tertentu.
8	Ungka	Sialek	[sia.leʔ]	Tanda amaran bencana atau gangguan dari dunia ghaib.
9	Mawas	Orang dalam Hutan	[o.raŋ] [da.lam] [hu.tan]	Merujuk kepada makhluk ghaib yang dipercayai tinggal bersama di dalam hutan.
10	Burung Kang Kok	Panggang jatuh	[paŋ.gaŋ] [ja.tuh]	Menandakan musim tertentu contohnya musim durian.

Kucing Besar, Mamak Bongkok & Lipat Kasau

“...kalau taknak sebut lagi, *kucing besar* pun boleh.”

“...macam macam, antaranya *mamak bongkok*.”

“...macam kami orang dulu kata *lipat kasau*.”

Masyarakat Orang Asli Jakun mempunyai sistem penamaan tersendiri apabila melibatkan haiwan berbahaya seperti harimau. Penggunaan istilah seperti *kucing besar*, *mamak bongkok*, dan *lipat kasau* adalah manifestasi daripada pengalaman hidup mereka yang rapat dengan alam semula jadi serta warisan budaya lisan yang diwarisi turun-temurun. *Kucing besar* merujuk kepada harimau bagi mengurangkan kebarangkalian haiwan tersebut hadir secara fizikal. Sifat fizikal harimau yang besar dan kelihatan seperti kucing gergasi diterjemahkan secara linguistik melalui ungkapan ini menjadikan sebutan lebih selamat untuk digunakan. Berdasarkan Teori Relativiti Linguistik, istilah *kucing besar* menggambarkan pengalaman deria dan pengetahuan masyarakat terhadap bentuk fizikal haiwan itu mempengaruhi struktur bahasa mereka. Penamaan ini bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung daripada gangguan makhluk tersebut malah membuktikan bahawa persepsi masyarakat terhadap ancaman dibentuk oleh bahasa yang

menyusun semula realiti secara simbolik. Oleh itu, istilah ini mencerminkan hubungan rapat antara bahasa, pemikiran, dan alam sekitar dalam budaya masyarakat Jakun.

Istilah *mamak* merujuk kepada gelaran kekeluargaan iaitu bapa saudara sementara *bongkok* pula menggambarkan bentuk tubuh harimau yang melengkung ketika berjalan. Penggunaan gelaran kekeluargaan dalam menamakan makhluk buas ini mencerminkan satu bentuk penghormatan kepada haiwan tersebut untuk mengurangkan ancaman di samping mengekalkan kehadirannya dalam ruang sosial masyarakat. Melalui Teori Relativiti Linguistik, penggunaan istilah *mamak bongkok* membuktikan bahawa masyarakat Jakun tidak hanya memberi nama kepada sesuatu perkara berdasarkan rupa bentuk tetapi juga memasukkan dimensi sosial ke dalam penamaannya. Gelaran kekeluargaan menunjukkan proses konseptualisasi iaitu haiwan dikaitkan dengan hierarki sosial manusia. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran mereka tentang alam semula jadi bukan bersifat objektif semata-mata, tetapi disusun melalui bahasa yang mencerminkan hubungan sosial dan nilai budaya yang dipegang komuniti.

Manakala *lipat kasau* merujuk kepada belang harimau yang menyerupai jalur kayu pada kasau iaitu struktur sokongan pada bumbung rumah pondok yang diperbuat daripada kayu hutan. Jalur belang tersebut mengingatkan mereka kepada susunan kayu panjang yang melintang pada atap rumah dan apabila harimau melintasi kawasan kediaman masyarakat akan menunjukkan kehadirannya melalui isyarat visual tersebut. Hal ini membuktikan bahawa kosa kata masyarakat Orang Asli Jakun dibina berdasarkan gabungan elemen pengalaman visual, pengetahuan ekologi, dan hubungan sosial yang terjalin erat dengan alam di sekeliling mereka. Menurut Teori Relativiti Linguistik, istilah *lipat kasau* mencerminkan struktur bahasa pengalaman spatial dan visual masyarakat terhadap persekitaran. Bahasa di sini berfungsi bukan sahaja untuk menggambarkan bentuk fizikal, tetapi sebagai sistem penandaan budaya terhadap fenomena yang dianggap penting. Keupayaan masyarakat Jakun untuk mengenal pasti haiwan melalui persamaan visual memperlihatkan realiti fizikal dan simbolik berjalin rapat dalam sistem bahasa mereka sekali gus membuktikan bahawa bahasa membentuk cara mereka memahami dunia dan mengatur respons terhadapnya.

Mata Kuning

“Kalau harimau kumbang kami panggil *mata kuning*”

Istilah *mata kuning* digunakan oleh masyarakat Orang Asli Jakun sebagai ganti kepada harimau kumbang, iaitu sejenis karnivor yang sering dikaitkan dengan kehadiran pada waktu malam. Penamaan ini timbul daripada pengalaman langsung masyarakat terhadap fenomena pantulan cahaya daripada mata haiwan tersebut yang kelihatan terang dan berwarna kuning ketika disuluh atau dipandang dari jauh. Berbanding menyebut nama sebenar yang dipercayai boleh mengundang gangguan, masyarakat lebih cenderung menyebut ciri visual haiwan itu yang paling menonjol iaitu matanya. Warna mata yang memantul cahaya dalam gelap bukan sahaja menimbulkan rasa seram tetapi juga menjadi isyarat awal kepada kehadiran makhluk yang berbahaya. Oleh itu, *mata kuning* bukanlah sekadar deskripsi fizikal tetapi juga berfungsi sebagai kod budaya yang mencerminkan ingatan kolektif masyarakat terhadap bahaya serta sebagai peringatan kepada penduduk untuk berhati-hati ketika berada di hutan terutama sekali pada waktu malam. Dalam konteks ini, istilah tersebut berfungsi sebagai amaran, pelindung, dan pengetahuan budaya yang diwariskan secara lisan dari generasi ke generasi.

Berdasarkan Teori Relativiti Linguistik, penggunaan istilah mata kuning menggambarkan masyarakat Orang Asli Jakun menilai pemahaman mereka terhadap dunia menerusi bahasa. Bahasa halus ini bukan sahaja menyampaikan maklumat tentang pantang larang tetapi juga mempengaruhi cara mereka mentafsir dan bertindak terhadap situasi berbahaya. Ciri visual yang menonjol dijadikan asas kepada penamaan dengan membuktikan bahawa pengalaman deria seperti penglihatan menjadi sumber utama pembentukan makna dalam bahasa mereka. Dengan itu, struktur bahasa komuniti ini dibina melalui hubungan rapat antara persepsi, kepercayaan, dan realiti ekologi. Penggunaan istilah *mata kuning* adalah refleksi kepada pengalaman masyarakat Jakun yang melihat dan memahami alam melalui lensa budaya tersendiri sekali gus membuktikan bahawa bahasa bukan sahaja mencerminkan dunia tetapi juga membentuk dunia yang mereka alami.

Pendantil & Ninik

“Gajah tu nak hormat dia kami panggil *pendantil*”
 “Kita hormat dia sebab dia besar kita panggil dia *ninik*”

Dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun, *pendantil* dan *ninik* digunakan sebagai istilah ganti kepada haiwan gajah yang dianggap sebagai makhluk besar, berkuasa dan pada masa yang sama dihormati. Istilah *pendantil* dipercayai berasal daripada sebutan tradisional yang diturunkan secara lisan manakala *ninik* pula merujuk kepada gelaran orang tua atau nenek yang sangat dihormati khususnya dalam komuniti Orang Asli Jakun. Penggunaan istilah kekeluargaan untuk menggambarkan gajah ini menunjukkan bahawa masyarakat tidak hanya melihat haiwan itu dari sudut fizikal semata-mata malah dari sudut sifat dan kehadiran yang dibawanya dengan tenang, perlahan, dan penuh kewibawaan. Pergerakan adalah penting bagi gajah kerana kekurangan pergerakan boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti obesiti, artritis dan masalah pada kaki (Brady, McMahon dan Naulty, 2021). Gajah sering dilihat berjalan dalam kelompok menyusuri denai hutan dengan penuh disiplin dan tidak mengganggu manusia kecuali jika diganggu terlebih dahulu. Ciri ini menjadikan mereka dimuliakan sebagai makhluk yang beradab, seolah-olah memiliki akal dan pertimbangan. Oleh itu, nama sebenar tidak disebut secara langsung kerana dianggap tidak sopan dan boleh membawa padah sebaliknya digantikan dengan nama yang lebih lembut, mesra, dan penuh hormat.

Daripada perspektif Teori Relativiti Linguistik, istilah *pendantil* dan *ninik* mencerminkan penggunaan bahasa masyarakat Jakun yang dibentuk oleh hubungan sosial dan pengalaman ekologi yang saling bertaut. Bahasa ini tidak sekadar menggambarkan makhluk tersebut, tetapi turut membawa nilai budaya, perasaan hormat, serta bentuk interaksi manusia dengan haiwan dalam ekosistem mereka. Melalui istilah-istilah ini, dapat dilihat bahawa persepsi terhadap haiwan tidak hanya terhad kepada sifat fizikal, malah turut melibatkan penilaian moral dan emosi yang terhasil daripada interaksi harian dengan alam. Struktur bahasa yang digunakan melambangkan nilai pemikiran masyarakat yang melihat setiap makhluk dikaitkan dengan nilai, peranan dan makna dalam kehidupan. Oleh itu, penggunaan bahasa halus terhadap gajah bukan sekadar perlambangan, tetapi bukti bahawa masyarakat ini membina sistem kognitif mereka berasaskan penghormatan dan keseimbangan antara manusia dan alam.

Pemanggang & Pengacep

“Kalau buaya pula kami panggil dia *pemanggang*”
 “Orang Asli Jakun sini pun kadang panggil *pengacep* pun ada”

Masyarakat Orang Asli Jakun menggunakan istilah *pemanggang* dan *pengacep* bagi menggantikan nama sebenar buaya. Istilah *Pemanggang* merujuk kepada alat pemanggang yang tradisional iaitu sejenis jaring besi dengan dua kepingan yang boleh dikapit yang kebisaannya digunakan untuk membakar atau memanggang sesuatu seperti ikan atau daging. Sementara itu, *pengacep* pula berasal daripada kata dasar ‘acep’ yang bermaksud ‘jepit’ atau ‘genggam’ yang sesuai dengan cara buaya membaham mangsa menggunakan rahang yang kuat dan tidak melepaskan. Penggunaan dua istilah ini secara simbolik memberikan gambaran tentang cara buaya berfungsi sebagai pemangsa dalam ekosistem air tawar dan pada masa yang sama menimbulkan rasa gerun serta hormat terhadap makhluk ini. Penyebutan nama sebenar buaya dielakkan kerana dipercayai boleh menarik perhatian atau mengundang kehadiran haiwan itu terutama sekali jika disebut berdekatan dengan sungai atau tasik yang sunyi. Oleh itu, istilah bahasa halus seperti *pemanggang* dan *pengacep* bukan sekadar strategi untuk mengelak gangguan, malah berfungsi sebagai sistem amaran kolektif yang memberi maklumat dan nasihat secara tersirat kepada ahli komuniti lain.

Melalui lensa Teori Relativiti Linguistik, penggunaan istilah *pemanggang* dan *pengacep* memperlihatkan bahawa struktur bahasa dalam komuniti Jakun dibentuk berdasarkan tafsiran pengalaman terhadap alam. Bahasa yang digunakan bukan sahaja menerangkan sesuatu objek atau makhluk secara deskriptif, tetapi juga mengandungi sistem klasifikasi budaya yang unik berdasarkan ciri visual dan interaksi fizikal dengan alam. Dalam hal ini, mulut buaya tidak hanya dilihat sebagai bahagian anatomi, tetapi dikaitkan secara simbolik dengan alat buatan manusia lalu membentuk satu istilah baharu yang berfungsi sebagai pelindung sosial dan spiritual. Oleh itu, istilah bahasa halus ini membuktikan bahawa masyarakat Jakun membina sistem makna yang kompleks berdasarkan pengalaman, emosi, dan kepercayaan spiritual yang disatukan dalam struktur linguistik yang tersendiri. Bahasa mereka tidak sekadar menggambarkan dunia, tetapi turut membentuk dan menstruktur cara mereka melihat, merasai, dan bertindak terhadapnya.

Ular Besar

“Tak boleh sebut nama dia, kita sebut *ular besar* sebab dia panjang dan besar.”

Bentuk fizikal naga berbeza mengikut tradisi budaya yang berbeza. Dalam budaya Barat, naga digambarkan sebagai makhluk bersayap dan bertubuh besar menyerupai reptilia yang ganas manakala dalam budaya Cina, naga digambarkan sebagai makhluk yang panjang, bersisik, dan tidak bersayap seakan-akan ular tetapi dengan wajah yang mulia dan simbolik. Masyarakat Orang Asli Jakun, dalam proses pertembungan budaya dan asimilasi tempatan telah menyerap pengaruh visual daripada gambaran naga dalam kepercayaan Cina. Oleh itu, makhluk tersebut ditafsir secara tempatan sebagai ular besar iaitu bentuk fizikal yang lebih hampir dengan pemahaman mereka serta selari dengan alam sekitar yang mereka kenali. Pemilihan istilah ini juga menunjukkan keupayaan masyarakat Jakun mengadaptasi simbol luar ke dalam sistem bahasa dan kepercayaan mereka tanpa menjejaskan nilai spiritual yang dipegang.

Secara keseluruhannya, penggunaan *ular besar* bukan sahaja berperanan sebagai bahasa halus untuk menggantikan nama naga, tetapi turut mencerminkan kehalusan budaya dalam mengurus hubungan antara manusia dengan dunia ghaib. Melalui penamaan ini, masyarakat menyampaikan rasa hormat dan waspada terhadap makhluk berkuasa sekali gus memastikan keseimbangan sosial dan spiritual dikekalkan tanpa melanggar pantang larang yang diwarisi secara turun-temurun.

Belohok

“Pasal dia tu kan macam hodoh sikit... jadi kami kata *belohok*... muka dia macam pendek.”

“Dia macam beruang tapi kami tak sebut nama tu.”

Dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun, beruang tidak disebut secara langsung dalam perbualan harian, terutamanya ketika berada di hutan, kerana dipercayai bahawa penyebutan nama sebenar boleh menyebabkan makhluk tersebut muncul. Sebaliknya, istilah *belohok* digunakan sebagai ganti kepada panggilan beruang. Istilah ini dibentuk berdasarkan pengamatan fizikal terhadap beruang yang digambarkan sebagai haiwan bertubuh besar, berleher pendek (Shipton dan Herpt, 2021) dan memiliki wajah yang disifatkan sebagai hodoh atau menakutkan. Perkataan *belohok* membawa gambaran rupa paras yang tidak menarik dan membangkitkan rasa tidak selesa, sekali gus mencerminkan emosi masyarakat terhadap makhluk tersebut yang dianggap sebagai berbahaya tetapi tidak boleh dicabar secara linguistik. Penggunaan istilah ini juga memperlihatkan kaedah masyarakat menstruktur makna melalui pemerhatian visual dan tafsiran budaya. Masyarakat Jakun sering hidup berhampiran hutan dan beruang bukan sahaja dianggap sebagai pemangsa yang boleh mengancam nyawa, malah sebagai makhluk yang mempunyai sensitiviti terhadap gangguan manusia. Oleh itu, untuk mengekalkan keselamatan diri, nama sebenar dielakkan dan digantikan dengan istilah yang lebih neutral serta bersifat simbolik. Dalam hal ini, *belohok* bukan sahaja melambangkan rasa takut dan hormat terhadap beruang, tetapi juga berperanan sebagai langkah perlindungan yang diwariskan melalui tradisi lisan.

Selain itu, penamaan ini juga memperlihatkan pemahaman mendalam masyarakat terhadap dunia haiwan dan keperluan menjaga jarak simbolik dengan makhluk yang berpotensi mengganggu keseimbangan antara manusia dan alam. Penggunaan istilah seperti *belohok* membuktikan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi tetapi juga mekanisme budaya yang berfungsi mengawal emosi di samping menyampaikan nilai dan menetapkan batas dalam interaksi dengan alam sekeliling.

Besan

“Dia sejenis kumbang... kita panggil dia besan.”

“Besan tu panggilan sopan...”

Masyarakat Orang Asli Jakun menggunakan istilah *besan* sebagai ganti nama untuk sejenis kumbang tertentu yang dikaitkan dengan pantang larang serta simbol keharmonian. Dalam budaya Melayu dan juga dalam masyarakat Jakun, *besan* merujuk kepada hubungan kekeluargaan yang merujuk kepada ibu bapa kepada menantu. Oleh itu, apabila istilah ini digunakan untuk merujuk kepada serangga seperti kumbang, penamaan tersebut dihasilkan bukan semata-mata berdasarkan fizikal atau sifat biologi haiwan tersebut tetapi lebih kepada simbolisme sosial yang terkandung dalam perkataan itu. Kumbang dipercayai tidak

membawa mudarat malah kehadirannya dikaitkan dengan situasi tertentu yang dianggap istimewa atau mesti dihormati. Penggunaan istilah *besan* menjadi satu bentuk komunikasi yang menunjukkan keinginan masyarakat untuk mengekalkan hubungan yang baik dan tidak menimbulkan provokasi terhadap makhluk tersebut. Dalam hal ini, kepercayaan terhadap kumbang sebagai haiwan yang memiliki peranan tertentu dalam alam dan perlu dihormati secara dizahirkan melalui strategi linguistik yang halus dan berlapik.

Penamaan ini juga mencerminkan pemikiran kolektif masyarakat Jakun dalam menilai hubungan antara manusia dan makhluk lain melalui bingkai sosial. Dengan menggunakan istilah yang membawa konotasi positif dan kekeluargaan, mereka menanamkan nilai damai dan toleransi ke dalam sistem bahasa harian. Hal ini sekali gus memperlihatkan bahawa bahasa halus bukan hanya digunakan untuk makhluk besar atau berbahaya, tetapi juga untuk haiwan kecil yang dilihat memiliki kedudukan tertentu dalam keseimbangan ekologi dan spiritual masyarakat.

Sialek

“Kalau ungka, kami panggil *sialek*... sebab takut dia datang.”
 “Sebut nama betul jadi seram... bila sebut *sialek*, jadi tenang sikit.”

Ungka merupakan sejenis primat yang hidup secara berkumpulan di kawasan hutan hujan tropika dan dikenali melalui jeritan vokal yang kuat serta melengking, khususnya pada waktu pagi atau ketika senja. Bunyi yang dihasilkan oleh ungka boleh bergema jauh ke dalam hutan dan sering kali dikaitkan oleh masyarakat Orang Asli Jakun dengan kehadiran makhluk buas atau petanda alam yang tidak baik. Dalam kepercayaan tempatan, ungka dianggap sebagai haiwan yang sangat peka terhadap persekitaran dan mampu menegur kehadiran manusia yang melanggar batas tertentu di dalam hutan. Selain itu, pergerakan ungka yang lincah dan tidak mudah dilihat namun kedengaran melalui bunyinya turut menimbulkan rasa tidak selesa dan seram dalam kalangan masyarakat terutama sekali ketika berada dalam situasi yang sunyi atau terpencil. Oleh itu, masyarakat Jakun memilih untuk tidak menyebut nama sebenar ungka sebaliknya menggantikannya dengan istilah *sialek*. Istilah ini digunakan sebagai langkah berjaga-jaga agar tidak mengundang gangguan dan pada masa yang sama memberikan kelegaan kepada masyarakat Orang Asli Jakun sewaktu berada di dalam hutan. Penggunaan *sialek* membolehkan masyarakat berbicara tentang haiwan ini dengan nada yang lebih terkawal dan tidak menimbulkan ketegangan sekali gus menzahirkan kefahaman bahawa bahasa boleh menjadi pelindung simbolik terhadap gangguan luar kawalan.

Penggunaan istilah ini turut menggambarkan cara masyarakat Orang Asli mentafsir haiwan bukan hanya melalui bentuk fizikal atau habitatnya tetapi juga melalui perangai, suara, dan impak emosi yang ditimbulkan. Melalui pengalaman budaya dan ekologi, ungka digambarkan sebagai haiwan yang penuh misteri kerana kehadirannya tidak selalu kelihatan, namun dirasai secara spiritual. Oleh itu, *sialek* menjadi bukan sahaja bentuk pengganti linguistik, tetapi juga satu mekanisme budaya yang mengatur keseimbangan antara rasa takut, hormat, dan kebijaksanaan dalam berbahasa.

Orang Dalam Hutan

“Kita tak boleh panggil mawas... kita panggil *orang dalam hutan*. Dia macam berdiri, besar, macam manusia.”

Istilah *orang dalam hutan* digunakan oleh masyarakat Orang Asli Jakun untuk merujuk kepada makhluk misteri yang dipercayai mendiami kawasan pedalaman hutan dan tidak tergolong dalam kategori manusia biasa. Makhluk ini digambarkan sebagai bertubuh besar, berbulu, bergerak pantas dan jarang dilihat secara jelas. Kepercayaan hampir menyerupai naratif global seperti *Bigfoot* atau Orang Mawas dalam budaya tempatan, namun bagi masyarakat Jakun, makhluk ini merupakan sebahagian daripada entiti alam yang tidak boleh dinamakan secara terbuka. Mereka mempercayai bahawa menyebut nama sebenar atau bercakap secara terus tentang makhluk ini boleh menyebabkan kemunculannya, diganggu, atau ditimpa keburukan semasa berada di hutan. Oleh itu, istilah *orang dalam hutan* digunakan sebagai satu bentuk penamaan yang bersifat halus dan tidak bersifat provokatif. Frasa ini mencerminkan rasa hormat dan berhati-hati terhadap makhluk yang dianggap mempunyai dunia tersendiri dan tidak boleh diganggu. Penggunaan istilah ‘orang’ dalam penamaan tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Jakun meletakkan makhluk itu dalam kedudukan semi-manusia iaitu bukan manusia sepenuhnya, namun bukan juga haiwan biasa. Hal ini menandakan bahawa makhluk tersebut berada dalam kategori istimewa yang mempunyai unsur kecerdikan atau kuasa tertentu yang tidak boleh diperlakukan secara sembarangan.

Di samping itu, penamaan ini juga melambangkan kesedaran ekologi masyarakat Jakun terhadap kewujudan makhluk-makhluk yang hanya boleh dijelaskan melalui pengalaman kolektif dan warisan budaya. Makhluk seperti orang dalam hutan tidak semestinya hadir dalam bentuk fizikal yang dapat dibuktikan secara saintifik, tetapi ia tetap wujud dalam struktur mental dan kebudayaan masyarakat, lalu diberi tempat dalam sistem bahasa mereka. Justeru, istilah ini bukan sekadar metafora, tetapi satu bentuk pelindung budaya yang berfungsi untuk menjaga batas antara manusia dengan alam ghaib yang dipercayai hidup secara sejajar dalam ruang yang sama.

Panggang Jatuh

“Tak boleh sebut nama burung tu. Kita sebut *panggang jatuh* sebab dia tanda orang nak mati.”
 “Kalau dia berbunyi, kita diam, bersyukur je...”

Istilah *panggang jatuh* digunakan oleh masyarakat Orang Asli Jakun dalam bahasa halus bagi merujuk kepada burung Kang Kok (*Hierococcyx fuga*), iaitu sejenis burung daripada keluarga *Cuculidae* yang hidup di kawasan hutan hujan tropika. Burung ini aktif di hutan tanah rendah hingga kawasan bukit dan bersifat pemakan serangga, ulat serta buah-buahan. Sehubungan dengan itu, perkaitan istilah panggang jatuh dengan burung Kang Kok disebabkan oleh ciri-ciri burung itu sendiri. Pertama sekali, burung Kang Kok terkenal dengan bentuk bulu lehernya yang tebal, kadangkala kelihatan seperti bulu yang mekar atau mengembang, seolah-olah sesuatu yang telah dipanggang atau hangus sedikit pada bahagian tertentu. Hal ini bermakna masyarakat Orang Asli Jakun mengaitkan rupa burung ini dengan istilah ‘panggang’.

Selain itu, burung Kang Kok sering dilihat berjalan atau berdiri dengan sikap yang agak unik seperti leher atau badannya yang sedikit menunduk atau terjatuh ke hadapan ketika bergerak memberi gambaran seolah-olah jatuh. Kebiasaannya, masyarakat Orang Asli Jakun menyatakan bahawa burung ini hadir atau muncul pada waktu-waktu tertentu yang mereka kaitkan dengan fenomena alam sekitar contohnya sewaktu musim durian sebagai satu petanda yang mudah dikenali dalam kehidupan harian mereka. Justeru, penamaan bahasa halus ini memperlihatkan masyarakat Orang Asli Jakun bijak mengaitkan ciri-ciri fizikal dan tingkah laku burung tersebut dengan tafsiran budaya yang kemudiannya dimanifestasikan dalam bentuk linguistik yang bersifat simbolik dan kolektif.

5.0 KESIMPULAN

Penggunaan istilah eufemisme dalam masyarakat Orang Asli Kampung Tambak Dapor menunjukkan kekayaan simbolik dalam menyampaikan kepercayaan mereka. Hal tersebut memainkan peranan bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai pemuliharaan budaya dan kepercayaan.

Bagi eufemisme yang melibatkan haiwan, penukaran nama disebabkan mekanisme sosial yang mengekalkan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar. Bahasa bukan sahaja alat komunikasi tetapi membentuk kerangka kognitif yang menentukan individu dan komuniti memahami realiti mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa bahasa halus ini mencerminkan cara masyarakat menanggapi realiti dan sistem kepercayaan mereka. Teori Relativiti Linguistik telah membantu untuk menjelaskan struktur bahasa yang digunakan mampu membentuk persepsi masyarakat terhadap alam sekitar dan dunia ghaib. Justeru, eufemisme memainkan peranan penting sebagai wahana penyampaian nilai budaya dan spiritual yang diwarisi turun-temurun dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada penduduk Kampung Orang Asli Tambak Dapor, Pagoh, Muar atas kerjasama yang dihulurkan sepanjang kajian ini dijalankan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Brady, A., McMahon, B., & Naulty, F. (2021). Estimates of locomotion in Asian elephants (*Elephas maximus*) using video monitoring at Dublin Zoo, Ireland. *JZAR: Journal of Zoo and Aquarium Research*, 9(2): 124–133.
- Clinton Ringit, Hamidah Abdul Wahab, & Remmy Gedat. (2019). Domain kepercayaan bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak: analisis Metafora Konsepsi. *Asian People Journal*, 2(2): 18–30.
- Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil & Remmy Gedat. (2020). Bentuk dan penggunaan bahasa halus dalam masyarakat Melayu dan Iban di Sarawak. *Issues in Language Studies*, 9(1): 15–27.
- Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff & Nur Sharina Sahar. (2021). Pengetahuan bersama tentang tabu dalam masyarakat silang budaya sebagai jaminan kesantunan berbahasa. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 42–74.

- Mangie Anak Liddy & Kartini Abd. Wahab. (2021). Tabu bahasa dalam aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2): 375–388.
- Mohamad Nik Mat Pelet *et al.* (2025). Unsur eufemisme dalam peribahasa masyarakat peribumi Orang Asli. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 15(1): 52–62.
- Mohamad Rozi Kassim. (2021). Etnografi komunikasi orang asli Jakun. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1): 21–44.
- Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2023). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun. *IJLEAL: International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1): 47–56.
- Sapir, E. 1921. *Language: An Introduction to the study of speech*. New York, London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Shipton, K. & Herpt, S. (2021). A physiotherapy program for bears at Animals Asia's Vietnam Bear Rescue Center. *The IAABC Foundation Journal*, 22. Doi: 10.55736/iaabcfj22.4.